

KONSEP KESAMARATAAN DAN HAK-HAK ORANG KURANG UPAYA DI BAWAH AKTA ORANG KURANG UPAYA 2008

*(The Concept of Equality and the Rights of People with
Disabilities under the Persons with Disabilities Act 2008)*

Zulazhar Tahir¹

zulazhar@um.edu.my

Jal Zabdi Mohd Yusoff²

jalzabdi@um.edu.my

Sridevi Thambapillay³

sridevit@um.edu.my

Ahmad Saufi Abdul Rahman⁴

saufi@um.edu.my

Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya,
50603 Kuala Lumpur, Malaysia. ^{1,2,3 & 4}

Pengarang Koresponden: ¹

Rujukan makalah ini (*To cite this article*): Zulazhar Tahir, Jal Zabdi Mohd Yusoff, Sridevi Thambapillay & Ahmad Saufi Abdul Rahman. (2023). Konsep kesamarataan dan hak-hak orang kurang upaya di bawah akta orang kurang upaya 2008. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 35(2), 217–238. [https://doi.org/10.37052/kanun.35\(2\)no2](https://doi.org/10.37052/kanun.35(2)no2)

Peroleh: Received:	4/10/2022	Semakan: Revised	17/2/2023	Terima: Accepted:	19/4/2023	Terbit dalam talian: Published online	1/7/2023
-----------------------	-----------	---------------------	-----------	----------------------	-----------	--	----------

Abstrak

Akta Orang Kurang Upaya 2008 yang berkuat kuasa pada 7 Julai 2008 menunjukkan komitmen negara untuk membantu golongan orang kurang upaya (OKU). Objektif akta ini yang mengiktiraf kepentingan kebolehcapaian OKU terhadap persekitaran fizikal, sosial, ekonomi dan budaya, kesihatan dan pendidikan serta maklumat dan komunikasi yang membolehkan mereka mengambil bahagian secara penuh dan berkesan dalam masyarakat. Hak OKU tidak boleh dilihat secara berasingan

dengan prinsip hak asasi manusia. Hak asasi manusia dalam perspektif yang lebih luas telah menjadi semakin penting dalam dunia hari ini. Akta ini telah berjaya menukar konsep kebajikan kepada konsep hak bagi golongan OKU di Malaysia. Walaupun akta ini boleh disifatkan sebagai menyokong hak OKU, akta tersebut masih lemah dari segi penguatkuasaannya, walaupun telah digubal 14 tahun yang lalu. Oleh itu, makalah ini akan mengkaji dan membincangkan secara kritis perkembangan perundangan mengenai golongan OKU di Malaysia. Perkara ini berdasarkan fakta bahawa undang-undang merupakan komponen penting dalam usaha merealisasikan hasrat untuk melihat golongan OKU dilayan secara adil seperti individu yang berkeupayaan. Konsep kesaksamaan ini bukanlah sesuatu yang baharu kerana akta ini termaktub sebagai kebebasan asasi yang telah dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan.

Kata kunci: Orang kurang upaya (OKU), kebajikan, undang-undang, perkembangan, komitmen, kebebasan asasi

Abstract

The Persons with Disabilities Act 2008, which came into force on July 7, 2008, shows the country's commitment to helping people with disabilities (PWD). The objective of this Act, which is to recognize the importance of accessibility to the physical, social, economic and cultural environment, to health and education and to information and communication, is to enable people with disabilities to fully and effectively participate in society. The rights of people with disabilities cannot be seen in isolation with the human rights principles. Human rights, in a broader perspective, have become more important in today's world. This Act has succeeded in changing the concept of welfare to the concept of rights for people with disabilities in Malaysia. Although this Act could be described as accommodating the rights of people with disabilities, it is still weak in terms of its enforcement, even though it was enacted 14 years ago. Thus, this article will examine and critically discuss the development of legislation on people with disabilities in Malaysia. This is due to the fact that the law is an important component of realizing the desire to see people with disabilities being treated fairly as those without disabilities. This concept of equality is not new because it is enshrined as a fundamental liberty that has been guaranteed by the Federal Constitution.

Keywords: People with disabilities (PWD), welfare, legal, development, commitment, fundamental rights

PENGENALAN

Orang kurang upaya (OKU) merupakan sebahagian daripada ahli masyarakat yang banyak menyumbang kepada pembangunan negara. Seramai 586,558 orang kurang upaya telah berdaftar dengan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKM) pada tahun 2020.¹ Berdasarkan data bertarikh 31 Oktober 2021 menunjukkan bahawa terdapat 583,427 OKU yang telah berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia.² Perkara ini ada disebut oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (ketika itu), Datuk Seri Rina binti Mohd Harun, semasa sesi menjawab pertanyaan di Parlimen, iaitu:

Sehingga 31 Oktober 2021, terdapat seramai 583,427 orang OKU yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Walau bagaimanapun, jumlah OKU yang berdaftar ini masih kecil berbanding anggaran yang dibuat oleh World Health Organization (WHO), iaitu sekurang-kurangnya sebanyak 15% populasi negara terdiri daripada golongan OKU atau 4.8 juta populasi OKU di negara ini. Sistem ini dirangka dengan strategi untuk memastikan kesaksamaan dan peluang kepada orang OKU bagi penyertaan penuh golongan ini dalam masyarakat. Semenjak MyDaftar OKU ini dilancarkan pada 27 Oktober 2021, sejumlah 4,932 permohonan baharu sedang disantuni oleh JKJ. Oleh itu, 4,932 orang OKU ini juga akan mendapat kad OKU secara digital³.

Berdasarkan kenyataan oleh Yang Berhormat Menteri, jelas di sini menunjukkan bahawa, jumlah OKU di Malaysia secara relatifnya besar. Namun begitu, wujud segelintir masyarakat yang sering memandang rendah terhadap golongan OKU ini. Persepsi sebegini dapat merencatkan usaha golongan ini untuk turut bersama-sama memainkan peranan dalam kehidupan bermasyarakat.⁴ Melihat perkembangan semasa, sama ada di dalam mahupun luar negeri, berkenaan dengan gerakan hak asasi

1 Statistik Tahun 2020 Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2021), https://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/Bahagian%20Pengurusan/Laporan%20Statistik%20JKM%202020_.pdf Tarikh akses 18 September 2022.

2 Malaysia Dewan Rakyat Parlimen Keempat Belas Penggal Keempat Mesyuarat Kedua, Khamis, 11 November 2021, DR.11.11.2021, 1.

3 *Ibid.*

4 Norsaadah Din @ Mohamad Nasirudin *et al.* (2019). Hubungan sosial masyarakat terhadap orang kurang upaya di Malaysia. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah (JSASS)*, 6(1), 279-291.

manusia, maka setiap ahli masyarakat harus diberi ruang dan peluang yang sewajarnya untuk bersama-sama membangunkan diri dan negara mengikut keupayaan masing-masing. Oleh itu, setiap ahli masyarakat harus dilihat sebagai aset dan bukannya beban. Ketika ini, kebajikan dan hak OKU ini sering kali ditimbulkan dan mulai mendapat perhatian bukan sahaja di dalam negara malahan juga pada peringkat global.

Di Malaysia, kesedaran terhadap kebajikan untuk golongan OKU ini telah mula mendapat perhatian sebelum kewujudan Akta Orang Kurang Upaya 2008 lagi. Misalnya, pada tahun 1988, bagi memastikan penyertaan OKU dalam sektor pekerjaan, pihak kerajaan telah mengeluarkan suatu Pekeliling Perkhidmatan Awam untuk meningkatkan penyertaan OKU yang bekerja di sektor awam sebanyak satu peratus.⁵ Dasar ini telah dilaksanakan selaras dengan usaha kerajaan untuk meningkatkan lagi keupayaan modal insan dalam kalangan rakyat Malaysia, khususnya kepada OKU dalam rangka menjadikan rakyat Malaysia sebagai masyarakat penyayang. Dasar satu peratus peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam ini telah menetapkan bahawa setiap agensi kerajaan hendaklah memastikan pengambilan OKU dibuat sekurang-kurangnya satu peratus daripada jumlah pegawai dalam agensi tersebut. Dasar ini meliputi pelantikan secara tetap, sementara, kontrak atau apa-apa kaedah pelantikan yang berkuat kuasa dalam kerajaan.⁶ Dasar ini secara tidak langsung membantu untuk memastikan OKU terlibat secara terus dalam pekerjaan dan dapat menyumbang kepada pembangunan negara secara holistik.

PENDAFTARAN OKU

Jika dilihat jumlah sebenar OKU di Malaysia ini, berkemungkinan jumlah yang ada adalah lebih besar daripada jumlah yang berdaftar, kerana pendaftaran OKU tidak dilakukan secara mandatori tetapi lebih bersifat secara sukarela. Sekiranya OKU telah berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat maka jabatan tersebut dapat memberikan perkhidmatan, program pemulihan, pencegahan, latihan dan pendidikan serta intervensi awal kepada golongan OKU ini. Selain itu, pelbagai kemudahan juga disediakan kepada OKU yang berdaftar, antaranya termasuklah Kemudahan Pengurangan Tambang Pengangkutan Awam, Program Pendidikan Nasional, Bantuan Kewangan Pelajar OKU di Sekolah, Peluang Pekerjaan OKU dan Skim Bantuan Galakan Perniagaan OKU (SBGPOKU), Pecen

5 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 16 Tahun 2010 (PP10/1988).

6 *Ibid.*

Terbitan Seumur Hidup kepada Anak OKU dan Waktu Bekerja Anjal, Pelan Insurans Hayat dan pelbagai lagi kemudahan yang disediakan oleh JKM.⁷ Kemudahan ini antara lain telah menggalakkan pendaftaran OKU dan secara tidak langsung memudahkan pihak JKM untuk menyalurkan bantuan dan menyediakan program tertentu kepada OKU dalam usaha membantu golongan ini mengharungi kehidupan mereka seharian.

Jadual 1 Pendaftaran golongan kurang upaya dari tahun 2016 hingga 2020.

BIL	TAHUN	JUMLAH
1.	2016	409,269
2.	2017	453,258
3.	2018	497,390
4.	2019	548,195
5.	2020	586,558

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat.⁸

Kemudahan yang diterima oleh OKU jika berdaftar dengan JKM jelas telah menarik ramai daripada golongan tersebut untuk mendaftar. Selain itu, pelancaran MyDaftar OKU (Pendaftaran secara dalam talian) pada 27 Oktober 2021, telah berjaya menghasilkan sejumlah 4932 permohonan baharu yang sedang diuruskan oleh pihak JKM. Hal ini bermakna, 4932 orang OKU ini juga akan mendapat kad OKU secara digital. Pengendalian permohonan pendaftaran OKU secara dalam talian ini memudahkan OKU untuk mendaftar dan memperoleh manfaat daripada pendaftaran tersebut. Melalui MyDaftar ini OKU tidak perlu hadir secara fizikal ke Pejabat Kebajikan Masyarakat kerana pendaftaran boleh dibuat secara dalam talian. Malah, kad OKU juga boleh diperolehi dengan cepat, iaitu dalam tempoh masa 24 jam melalui dalam talian selepas diluluskan tanpa menunggu penghantaran secara fizikal⁹.

Perkara ini jelas dapat dilihat daripada statistik di atas yang menunjukkan peningkatan pendaftaran telah berlaku setiap tahun.

7 <https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/contentmenu&id=WjdtTnluUS9QY0ZpMTRnVXNIZ1ISZz09>. Tarikh akses 15 September 2022.

8 <https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/articles&id=U0dpTUVpRXlyYU1FVFFLUmVnUVJUdz09>. Tarikh akses 15 September 2022.

9 Malaysia Dewan Rakyat Parlimen Keempat Belas Penggal Keempat Mesyuarat Kedua, Khamis, 11 November 2021, DR.11.11.2021, 1.

Peningkatan pendaftaran ini juga memberi isyarat bahawa jumlah golongan OKU di negara ini adalah besar. Statistik di atas ini merangkumi pelbagai jenis ketidakupayaan. Dalam hal ini, terdapat tujuh kategori ketidakupayaan utama yang diambil kira, iaitu, ketidakupayaan dari segi penglihatan, pendengaran, fizikal, masalah pembelajaran, pertuturan, mental dan yang terakhir ialah ketidakupayaan pelbagai.

Jadual 2 Pendaftaran jenis ketidakupayaan dari tahun 2016 hingga tahun 2020.

BIL.	JENIS KETIDAKUPAYAAN	2016	2017	2018	2019	2020
1.	Penglihatan	36,834	40,339	36,309	48,645	52,111
2.	Pendengaran	31,922	34,447	44,765	38,676	40,319
3.	Fizikal	142,425	159,546	179,060	197,414	213,716
4.	Masalah Pembelajaran	143,244	157,733	170,107	189,698	201,355
5.	Pertuturan	2,046	2,266	2,486	2,812	2,996
6.	Mental	33,560	37,650	41,283	45,401	48,644
7.	Pelbagai	19,238	21,277	23,377	25,549	27,417

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat.¹⁰

Jadual 2 di atas menunjukkan bahawa wujudnya peningkatan yang jelas dalam hampir semua kategori ketidakupayaan. Yang paling ramai terdiri daripada kategori masalah pembelajaran serta kecacatan fizikal. Peningkatan sebegini merupakan sesuatu yang telah dijangka kerana pertambahan penduduk saban tahun akan turut meningkatkan jumlah mereka yang kurang upaya ini. World Health Organization (WHO) dalam hal ini menyatakan bahawa bilangan orang yang mengalami ketidakupayaan semakin meningkat disebabkan peningkatan dalam perkhidmatan kesihatan kronik dan juga hasil daripada penuaan penduduk.¹¹ WHO juga menganggarkan bahawa lebih 1 bilion manusia telah mengalami kecacatan. Jumlah ini adalah lebih kurang 15% daripada populasi dunia.¹² Oleh itu, suatu kerangka undang-undang yang lebih

¹⁰ *Ibid.*

¹¹ <https://www.who.int/news-room/fact-sheets/detail/disability-and-health>. Tarikh akses 14 September 2022.

¹² *Ibid.*

komprehensif perlu diwujudkan agar hak serta kebajikan golongan OKU ini akan lebih terbela.

SEJARAH UNDANG-UNDANG OKU DI MALAYSIA

Di Malaysia, jika dilihat dari sudut perkembangan undang-undang tentang golongan OKU ini, amnya banyak tertumpu pada bidang pendidikan. Hal ini berkemungkinan disebabkan pendidikan merupakan komponen utama dalam usaha untuk mengubah taraf kehidupan seseorang termasuklah golongan OKU. Semasa penjajahan British di Tanah Melayu, telah diwujudkan sebuah sekolah bagi kanak-kanak yang cacat penglihatan pada tahun 1948, iaitu Sekolah Rendah Princess Elizabeth di Johor Bahru. Kemudiannya pada tahun 1954 pula penubuhan sebuah sekolah lagi bagi kanak-kanak yang cacat pendengaran pula telah dilaksanakan di Pulau Pinang, iaitu Sekolah Kanak-kanak Pekak Persekutuan. Tujuan penubuhan sekolah-sekolah ini adalah untuk memastikan kanak-kanak OKU mendapat pendidikan seperti kanak-kanak normal yang lain.

Di samping itu juga, pihak British telah menubuhkan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaya pada tahun 1946, dan telah diletakkan di pelbagai kementerian dan jabatan seperti di Jabatan Perusahaan dan Perhubungan Sosial (1952 – 1955), Kementerian Kesihatan dan Kebajikan Sosial (1957–1958) dan akhir sekali di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, bermula dari tahun 2004 sehingga kini.¹³ Sejak penubuhan Jabatan Kebajikan Masyarakat yang bermula pada tahun 1946 ini, kebanyakan bantuan dan program kepada OKU telah dibuat dan disalurkan melalui jabatan ini. Antara bantuan yang diberikan kepada OKU termasuklah bantuan kewangan berupa Elaun Pekerja Orang Kurang Upaya, Geran Pelancaran, Bantuan Alat Tiruan dan Alat Sokongan, Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/Pesakit Kronik Terlantar dan Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja.¹⁴ Dari segi program pula terdapat Program Pemulihan dalam Komuniti, Program Perkhidmatan *Job Coach*, *Disability Equality Training* serta pelbagai aktiviti yang lain.¹⁵

Sebelum 2008, tidak ada undang-undang khusus yang digubal bagi golongan OKU di Malaysia. Oleh itu, untuk membantu golongan ini pihak kerajaan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menggubal satu dasar

13 <https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=UGU5dnNUNTFidDdmMmFqR3VJZ2tkdz09> – Tarikh akses 17 Oktober 2022.

14 *Ibid.*

15 *Ibid.*

yang dipanggil Dasar Orang Kurang Upaya Negara pada tahun 2007. Dasar ini antara lain telah mengiktiraf golongan OKU sebagai sebahagian daripada ahli masyarakat. Oleh itu, mereka mempunyai kesaksamaan hak dan peluang untuk menjalani kehidupan seperti anggota masyarakat yang lain. Dasar ini juga mengakui akan kepentingan pendekatan yang berasaskan hak (*rights-based*), serta menjamin kepentingan dan kesejahteraan OKU.¹⁶ Pada masa yang sama dasar ini juga menekankan konsep menghapuskan diskriminasi atas sebab ketidakupayaan. Antara strategi yang telah diterapkan di bawah dasar ini termasuklah advokasi, kebolehcapaian (*accessibility*), kesihatan, pemulihan, pendidikan, pekerjaan, keselamatan diri dan perlindungan sosial, perkhidmatan sokongan, sosial, pembangunan sumber manusia, penglibatan masyarakat, penyelidikan dan pembangunan, perumahan, kanak-kanak OKU dan wanita OKU. Selain itu, Dasar Orang Kurang Upaya ini juga telah membawa kepada kewujudan Pelan Tindakan OKU 2016–2022. Pelan Tindakan OKU 2016–2022 telah dirangka selaras dengan komitmen negara pada peringkat antarabangsa melalui penerimaan *Incheon Strategy to Make the Right Real for Persons with Disabilities in Asia and the Pacific (ESCAP)* pada tahun 2012.¹⁷ Strategi Incheon telah dirangka untuk membolehkan rantau Asia Pasifik mencapai kemajuan bagi meningkatkan kualiti hidup dan untuk memenuhi hak bagi 650 juta OKU yang kebanyakannya hidup dalam kemiskinan.¹⁸ Sekretariat ESCAP ini juga telah diberikan mandat untuk membuat laporan setiap tiga tahun sehingga akhir tahun 2022 tentang kemajuan dalam pelaksanaan strategi Incheon. Melalui pelan tindakan ini juga pelbagai strategi telah dirangka oleh pihak kerajaan untuk membantu golongan OKU agar dapat melibatkan diri sepenuhnya dan secara efektif dalam masyarakat.¹⁹

Konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Hak Orang Kurang Upaya (CRPD) telah diterima pakai oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 13 Disember 2006 dan dibuka untuk

16 <https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=cCtGNGNKVE9obFhBRUI5RERPRjVoUT09>. Tarikh akses 10 September 2022.

17 <https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/KenyataanMedia/Siaran%20Media%20KPWK%20-%20PTOKU%20FINAL1.pdf>. Tarikh akses 8 Ogos 2022.

18 <https://www.unescap.org/sites/default/files/Incheon%20Strategy%20%28English%29.pdf>. Tarikh akses 8 Ogos 2022.

19 [https://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/JPOKU/PelanTindakan_OKU\(EMAIL\).pdf](https://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/JPOKU/PelanTindakan_OKU(EMAIL).pdf). Tarikh akses 1 September 2022.

ditandatangani pada 30 Mac 2007.²⁰ Pada 19 Julai 2010, kerajaan Malaysia telah mengambil keputusan untuk meratifikasikan konvensyen ini, dengan reservasi terhadap Artikel 15²¹ dan 18.²² Langkah ini merupakan langkah positif bagi membuktikan kesediaan Malaysia untuk melaksanakan hak asasi yang terkandung dalam CRPD dalam usaha memperkasakan golongan OKU di Malaysia. Sebelum itu, Malaysia juga telah menandatangani *Proclamation on the Full Participation and Equality of People with Disabilities in the Asia and Pacific Region* pada 16 Mei 1994.

KONSEP KESAMARATAAN DAN HAK OKU DI BAWAH AKTA ORANG KURANG UPAYA 2008 (AKTA 2008)

Kemuncak sokongan kepada golongan OKU ini adalah dengan penggubalan Akta Orang Kurang Upaya 2008 (selepas ini dirujuk sebagai Akta 2008).²³ Akta 2008 ini diwujudkan untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran, perlindungan, rehabilitasi, pembangunan dan kesejahteraan OKU. Selain itu, Akta 2008 ini juga telah membawa kepada penubuhan

20 <https://www.un.org/development/desa/disabilities/convention-on-the-rights-of-persons-with-disabilities.html> Tarikh akses 18 September 2022.

21 *Article 15 Convention on the Rights of Persons with Disabilities* memperuntukkan:
1. *No one shall be subjected to torture or to cruel, inhuman or degrading treatment or punishment. In particular, no one shall be subjected without his or her free consent to medical or scientific experimentation.*

2. *States Parties shall take all effective legislative, administrative, judicial or other measures to prevent persons with disabilities, on an equal basis with others, from being subjected to torture or cruel, inhuman or degrading treatment or punishment.*

22 Di bawah Artikel 18 *Convention on the Rights of Persons with Disabilities* ada memperuntukkan:

1. *States Parties shall recognize the rights of persons with disabilities to liberty of movement, to freedom to choose their residence and to a nationality, on an equal basis with others, including by ensuring that persons with disabilities:*
a. *Have the right to acquire and change a nationality and are not deprived of their nationality arbitrarily or on the basis of disability;*

b. *Are not deprived, on the basis of disability, of their ability to obtain, possess and utilize documentation of their nationality or other documentation of identification, or to utilize relevant processes such as immigration proceedings, that may be needed to facilitate exercise of the right to liberty of movement;*
c. *Are free to leave any country, including their own;*
d. *Are not deprived, arbitrarily or on the basis of disability, of the right to enter their own country.*

2. *Children with disabilities shall be registered immediately after birth and shall have the right from birth to a name, the right to acquire a nationality and, as far as possible, the right to know and be cared for by their parents.*

23 Akta ini mula berkuat kuasa pada 7 Julai 2008.

Majlis Kebangsaan bagi OKU. Tugas Majlis Kebangsaan OKU ini, antara lain, adalah untuk menyelia pelaksanaan dasar negara dan pelan tindakan negara yang berhubung dengan OKU dan juga untuk membuat syor kepada kerajaan tentang perkara yang berhubung dengan OKU.²⁴ Akta 2008 ini secara dasarnya bertujuan untuk memberikan hak dan layanan yang sama rata kepada golongan OKU dengan masyarakat normal yang lain. Perkara ini jelas dinyatakan dalam mukadimah Akta 2008, yang menunjukkan kewujudan konsep ini, seperti yang berikut:

Mengiktiraf bahawa orang kurang upaya adalah berhak kepada peluang dan perlindungan, serta bantuan sama rata dalam segala hal keadaan dan tertakluk hanya kepada apa-apa batasan, sekatan dan perlindungan hak sebagaimana yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan.

Konsep kesamarataan yang diterapkan di bawah Akta 2008 bukanlah sesuatu yang baharu kerana konsep ini adalah selari dengan konsep kesamarataan yang disebut di bawah Artikel 8(1) Perlembagaan Persekutuan yang antara lain yang menyatakan bahawa semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang. Isu berkenaan konsep kesamarataan ini ada ditimbulkan dalam kes *Public Prosecutor v. Su Liang Yu*,²⁵ apabila Hakim Hashim Yeop A Sani membincangkan konsep kesamarataan ini yang menyebut:

Article 8(1) of the Constitution states that "All persons are equal before the law and entitled to the equal protection of the law." We are not concerned here with the exceptions provided in the other clauses. This article embodies a concept which is familiar in democratic constitutions. It is in fact an old concept originating probably in the 40th Article of Magna Carta ("to none will we sell, to none will we deny, to none will we delay right or justice"). This concept subsequently found expression in the forerunner of democratic constitutions - the US Constitution, in the last part of the Fourteenth Amendment which states that "No State shall deny to any person within its jurisdiction the equal protection of the laws." More recent constitutions also carried this concept for example the Indian Constitution in its Article 14 and the Pakistan Constitution in its

24 <https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=czJqRVdZKzZTNER3Ww4t4VHpERnBCdz09>. Tarikh akses 29 Ogos 2022.

25 [1976] MLJ 2 128.

Article 4. The Fourteenth Amendment in the US Constitution is reflected in a number of articles in the Indian Constitution. Although the Fourteenth Amendment does not contain the phrase “equality before the law” as in the Indian Constitution there is in fact no significant difference as a result. As tautological as both the Indian and the Pakistan provisions our Merdeka Constitution also emerged with the provision of Article 8(1) which provision was carried in toto into the Malaysian Constitution today²⁶.

Walau bagaimanapun, konsep kesamarataan di bawah Artikel 8 Perlembagaan Persekutuan ini bukanlah sesuatu yang mutlak kerana Badan Perundangan boleh membuat apa-apa peruntukan undang-undang (statut) yang menetapkan atau mengehadkan konsep kesamarataan ini secara munasabah. Perkara ini ada dinyatakan dalam kes *Mohammad Faisal Mohammad Sharif v. Public Prosecutor*,²⁷ apabila mahkamah telah memutuskan bahawa:

What emerges from the foregoing is that the equality provision in Article 8 is not absolute. It is also clear that discriminatory law is good law if it is based on “reasonable” or “permissible” classification, and it must also be proportionate to the object sought to be achieved also referred to as the doctrine of rational nexus. It is not open for Courts to second guess the intention of Parliament where the manifest intention is clearly stated.

Perkara yang sama juga ada disebut di dalam kes *Dr Mohd Nasir bin Hashim v. Menteri Dalam Negeri Malaysia*²⁸ yang telah diputuskan oleh Mahkamah Rayuan bahawa:

The other aspect to interpreting our Constitution is this. When interpreting the other parts of the Constitution, the court must bear in mind the all-pervading provision of art. 8(1). That article guarantees fairness of all forms of State action (see Tan Tek Seng v. Suruhanjaya Perkhidmatan

26 Konsep kesamarataan seperti yang disebut di bawah Artikel 8 Perlembagaan Persekutuan ini juga telah dibincangkan oleh Mahkamah Tinggi di dalam kes *Public Prosecutor v. Tengku Mahmood Iskandar & Anor* [1973] 1 MLJ 128, di mana Raja Azlan Shah, semasa membincangkan Artikel 8 Perlembagaan Persekutuan ada menyatakan:

That implies that there is only one kind of law in the country to which all citizens are amenable. With us, every citizen, irrespective of his official or social status, is under the same responsibility for every act done without legal justification. This equality of all in the eyes of the law minimizes tyranny.

27 [2022] 1 LNS 122.

28 [2006] 6 MLJ 213.

Pendidikan & Anor [1995] 3 CLJ 279; [1996] 1 MLJ 261). It must also bear in mind the principle of substantive proportionality that art. 8(1) imports (see Om Kumar v. Union of India AIR [2000] SC 3689). This doctrine was most recently applied by this court in the judgment of my learned brother Mohd Ghazali JCA in Menara Pan Global Sdn Bhd v. Arokianathan a/l Sivapiragasam [2006] 2 CLJ 501; [2006] 3 MLJ 493. In other words, not only must the legislative or Executive response to a state of affairs be objectively fair, it must also be proportionate to the object sought to be achieved. This is sometimes referred to as the doctrine of rational nexus. (See Malaysian Bar & Anor v. Government of Malaysia [1986] CLJ Rep 508; [1987] 2 MLJ 165). A court is therefore entitled to strike down State action on the ground that it is disproportionate to the object sought to be achieved.

Dalam hal ini, konsep atau doktrin *rational nexus* yang terangkum dalam Artikel 8(1) Perlembagaan Persekutuan terpakai dalam Akta 2008 kerana objektif utama Badan Perundangan semasa menggubal Akta 2008 ini adalah untuk memberi layanan dan hak yang sama rata kepada golongan OKU selari dengan Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, konsep kesamarataan di bawah Artikel 8(1) Perlembagaan Persekutuan haruslah terpakai dengan merujuk hak yang telah diberikan oleh Akta 2008 kepada golongan OKU. Akta 2008 ini digubal khas bagi memberi peluang kepada OKU untuk berada pada kedudukan yang sama dengan insan normal yang lain. Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, semasa membentangkan Rang Undang-Undang Orang Kurang Upaya 2007 di Parlimen menyatakan:

Tuan Yang di-Pertua, semenjak dua dekad yang lepas isu-isu berkenaan golongan OKU telah mengalami anjakan paradigma daripada pendekatan kebajikan atau *charity based* kepada pendekatan berasaskan hak atau *rights based*. Sejalan dengan perkembangan ini kerajaan pada bulan November 2007 telah meluluskan dasar dan pelan tindakan OKU yang memberikan hala tuju kepada semua pihak memperdanakan OKU dalam arus pembangunan Negara.²⁹

Perkara ini juga dijelaskan oleh mahkamah dalam kes *Public Prosecutor v. Datuk Harun bin Haji Idris & Ors*³⁰ bahawa:

29 Malaysia Perbahasan Parlimen, 2007.

30 [1976] 2 MLJ 117; Diikuti oleh kes *Letitia Bosman v. Public Prosecutor and another appeal* [2020] MLJU 1186.

“Equality before the law” means the equal subjection of all persons to the law (Raja Surapayalsingh v. Uttar Pradesh Government at page 690) but “equal protection of the law” does not mean that all laws must be uniform, and as judicially interpreted in the United States of America and India it means that a law may not discriminate for or against a person or class unless there is a rational basis for such discrimination.

The general basic principle culled from the authorities and judicially determined, succinctly put, is that Article 8(1) permits reasonable classification founded on intelligible differentia having a rational relation or nexus with the policy or object sought to be achieved by the statute or statutory provision in question.

Oleh itu, konsep kesamarataan dalam Akta 2008 perlulah selari dengan apa-apa yang telah diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan. Dalam hal ini, setelah 14 tahun penggubalan Akta 2008 ini, maka sudah sampai masanya hak yang diperuntukkan di bawah akta ini diberikan secara munasabah dan perlulah dikuatkuasakan. Pelaksanaan ini perlu kerana golongan OKU ini memang amat memerlukan sokongan daripada kerajaan dan masyarakat untuk mereka dapat turut sama dalam pembangunan negara secara saksama. Oleh itu, Akta 2008 ini perlu mempunyai peruntukan yang lebih jelas bagi tujuan menguatkuasakan hak golongan OKU seperti yang termaktub dalam akta tersebut.³¹

Dalam hal ini, Bahagian IV Akta 2008 boleh dirujuk untuk melihat peruntukan yang memberikan hak kepada golongan OKU. Walaupun Bahagian IV Akta 2008, merujuk akses golongan OKU kepada beberapa kemudahan, namun akses dalam erti kata yang lebih baik terangkum dalam makna hak yang boleh diberikan kepada golongan ini. Hak yang diperuntukkan, antara lain, adalah seperti hak untuk akses kepada atau menggunakan kemudahan, ameniti, perkhidmatan³² dan bangunan awam, akses dan menggunakan kemudahan, ameniti dan perkhidmatan pengangkutan awam,³³ akses pendidikan,³⁴ pekerjaan,³⁵ hak kepada maklumat, komunikasi dan teknologi atas asas kesetaraan dengan orang

31 Zulazhar Tahir, Sridevi Thambapillay, Jal Zabdi Mohd Yusoff & Siti Norsyuhada Roffeei. (2015). Akta Orang Kurang Upaya (Akta 685): Dari konsep kebajikan kepada konsep hak asasi. *The Law Review, Sweet & Maxwell*, 603

32 Seksyen 26 Akta 2008.

33 Seksyen 27 Akta 2008.

34 Seksyen 28 Akta 2008.

35 Seksyen 29 Akta 2008.

upaya,³⁶ akses kepada aktiviti rekreasi serta akses kepada kehidupan berbudaya³⁷. Hak kepada kesihatan atas asas kesetaraan dengan orang upaya juga diperuntukkan di bawah Akta 2008.³⁸ Selain itu, bagi OKU yang mengalami ketidakupayaan teruk³⁹ pula Akta 2008 telah meletakkan tanggungjawab kepada pihak kerajaan untuk menyediakan perlindungan sepanjang hayat serta sistem sokongan sosial yang perlu bagi memastikan kehidupan mereka berkualiti. OKU tidak terjejas kehidupannya walaupun selepas kematian ibu atau bapanya atau pihak yang memperuntukkan jagaannya.⁴⁰ Selain itu, golongan OKU juga diberikan hak untuk mendapatkan bantuan atas asas kesetaraan dalam keadaan berisiko dan kecemasan kemanusiaan, termasuk konflik bersenjata dan kejadian bencana alam.⁴¹ Hak yang termaktub di bawah Akta 2008 ini secara langsung akan dapat membantu golongan OKU untuk menikmati kehidupan yang berkualiti setara dengan golongan normal yang lain.

Walaupun hak OKU diperuntukkan di bawah Akta 2008, namun ketiadaan peruntukan penguatkuasaan merupakan suatu kelemahan yang ketara pada akta ini. Hal ini telah menjadikan Akta 2008 tersebut seolah-olah tidak mempunyai “taring” untuk memelihara hak golongan OKU ini.⁴² Di samping itu, wujudnya satu peruntukan di bawah Akta 2008 ini memberi perlindungan kepada pihak kerajaan yang sedikit sebanyak turut menyumbang kepada kelemahan akta ini dari segi penguatkuasaannya. Hal ini dapat dilihat di bawah seksyen 41 Akta 2008 yang memperuntukkan:

Tiada tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding lain boleh diambil atau dibawa, dimulakan atau dikekalkan dalam mana-mana mahkamah terhadap—

- (a) Kerajaan;
- (b) Menteri;
- (c) Majlis;
- (d) mana-mana anggota Majlis atau mana-mana anggota jawatankuasa;

36 Seksyen 30 Akta 2008.

37 Seksyen 31 Akta 2008.

38 Bab 3 dan seksyen 35 Akta 2008.

39 Seksyen 39 Akta 2008 mendefinisikan “orang dengan ketidakupayaan teruk” ertinya seseorang yang mengalami satu atau lebih ketidakupayaan yang bergantung pada orang lain bagi aktiviti kehidupan harian yang asas.

40 Seksyen 38 (1) Akta 2008.

41 Seksyen 40(1) Akta 2008.

42 <https://www.sinarharian.com.my/article/16396/khas/pendapat/pemeriksaan-akta-oku-2008>. Tarikh akses 28 Ogos 2022.

atau

- (e) mana-mana orang lain yang bertindak dengan sah bagi pihak Majlis, berkenaan dengan apa-apa perbuatan, keabaiian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya dengan suci hati atau apa-apa peninggalan yang ditinggalkan olehnya dengan suci hati atas sifat yang sedemikian.

Jika diamati, seksyen 41 Akta 2008 ini jelas memberikan perlindungan daripada sebarang bentuk tindakan mahkamah kepada pihak-pihak yang disebut di bawah seksyen tersebut bagi sebarang bentuk kegagalan yang berlaku secara suci hati semasa menjalankan apa-apa peruntukan di bawah akta tersebut.⁴³ Jika diamati, peruntukan ini memberi perlindungan yang besar atas kegagalan pihak-pihak yang disebutkan di bawah Akta 2008 untuk menyediakan apa-apa yang perlu bagi seseorang OKU jika kegagalan itu dilakukan secara suci hati. Walau bagaimanapun mahkamah boleh memutuskan perkara yang jatuh untuk maksud keadaan suci hati sekiranya timbul pertikaian atau sebarang tuntutan. Rentetan itu, diujahkan bahawa suatu pendekatan proaktif perlu dilakukan agar persepsi Akta 2008 ini sebagai suatu akta yang tiada taring perlu ditamatkan, dan golongan OKU ini perlu dibantu dengan lebih efisien. Konsep kesamarataan yang telah dinyatakan dalam mukadimah Akta 2008 serta perlindungan kesamarataan yang telah diberikan di bawah Artikel 8(1) Perlembagaan Persekutuan perlulah dikuatkuasakan. Hal ini adalah penting agar nasib golongan OKU ini akan lebih terbela dan mereka dapat bersama-sama dengan golongan normal yang lain untuk turut sama menyumbang kepada pembangunan negara. Bak kata pepatah, berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah.

Pemeriksaan Golongan OKU

Pemeriksaan golongan OKU ini boleh dimulakan dengan mengubah pendekatan yang digunakan di bawah Akta 2008. Evolusi undang-undang tidak sepatutnya terhenti begitu lama pada fasa advokasi. Pendekatan advokasi selama hampir 14 tahun dikira lebih daripada mencukupi. Fasa seterusnya ialah penguatkuasaan hak yang telah diperuntukkan di bawah akta. Pelaksanaannya adalah penting kerana sesuatu akta yang hanya menyenaraikan hak tetapi tiada peruntukan untuk penguatkuasaan adalah seolah-olah hanya menuang air di daun keladi. Tiada apa-apa yang boleh

43 Di samping itu, Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 juga adalah terpakai bagi sebarang bentuk tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding kepada pihak-pihak di bawah Akta 2008 ini.

diperoleh dan dimanfaatkan oleh golongan OKU daripadanya. Akhirnya akan menjadikan Akta 2008 ini hanya bersifat kosmetik semata-mata. Di India sebagai contoh, mereka telah menggubal akta yang dipanggil sebagai *The Rights of Persons With Disabilities Act, 2016*.⁴⁴ Menerusi akta ini, hak golongan OKU telah diiktiraf secara rasmi oleh pihak kerajaan India malah telah diwujudkan tabung khas bagi golongan OKU di setiap negeri.⁴⁵ Malah akta ini juga mempunyai peruntukan mengenai kesalahan⁴⁶ serta peruntukan tentang tugas dan tanggungjawab badan kerajaan⁴⁷ untuk memberikan hak serta akses terhadap kemudahan kepada golongan OKU.⁴⁸ Selain itu, akta ini juga telah mewujudkan mahkamah khas bagi membicarakan kes bagi kesalahan yang dilakukan di bawah akta tersebut.⁴⁹ Pendekatan yang digunakan oleh India dalam usaha memperkasakan golongan OKU melalui perundangan merupakan satu tindakan yang positif yang boleh juga diserapkan dalam Akta 2008 di Malaysia pada masa depan. Usaha ini penting bagi mengiktiraf golongan OKU di negara ini dan seterusnya dapat menjamin hak mereka.

Apabila ditinjau kedudukan di United Kingdom pula, ketika ini hak dan kebajikan golongan OKU dilindungi di bawah *The Equality Act 2010*.⁵⁰ Akta ini telah meminda beberapa akta yang lain seperti *Equal Pay Act 1970*, *Sex Discrimination Act 1975*, *Race Relations Act 1976*, *Disability Discrimination Act 1995*, *Employment Equality (Religion or Belief) Regulations 2003*, *Employment Equality (Sexual Orientation) Regulations*

44 Dengan meratifikasi *Convention on the Rights of Persons with Disabilities* pada tahun 2007, India telah mengambil satu kewajiban untuk mengubah pendekatan tradisional terhadap OKU daripada menjadi fokus kebajikan kepada fokus hak asasi di mana golongan OKU boleh menuntut hak tersebut. Ini telah membawa kepada penggubalan *The Rights of Persons with Disabilities Act, 2016*, dan akta ini telah mendapat berkuatkuasa pada 27 Disember 2016. Akta ini telah meminda akta sebelumnya, iaitu *Persons with Disabilities (Equal Opportunity Protection of Rights and Full Participation) Act, 1995*. Mukadimah akta ini menyatakan bahawa ia bertujuan untuk menjaga maruah setiap OKU dalam masyarakat dan mencegah berlakunya sebarang bentuk diskriminasi. Akta ini juga telah memudahkan penerimaan golongan OKU dan memastikan penyertaan penuh dan kemasukan golongan OKU dalam masyarakat.

45 Seksyen 88 *The Rights of Persons with Disabilities Act, 2016* (India).

46 Bab XVI *The Rights of Persons with Disabilities Act, 2016* (India).

47 Bab VIII *The Rights of Persons with Disabilities Act, 2016* (India).

48 Walau bagaimanapun, seksyen 97 *The Rights of Persons with Disabilities Act, 2016* (India) juga memberikan perlindungan kepada kerajaan bagi sebarang tindakan mahkamah bagi tindakan-tindakan kerajaan yang telah dilakukan secara suci hati.

49 Seksyen 84 *The Rights of Persons with Disabilities Act, 2016* (India).

50 Akta ini berkuat kuasa pada 1 Oktober 2010.

2003, *Employment Equality (Age) Regulations 2006*, *Equality Act 2006, Part 2*, dan juga *Equality Act (Sexual Orientation) Regulations 2007*.⁵¹ Akta ini ada menyatakan bahawa seseorang dikatakan mendiskriminasi OKU jika mereka melayan seseorang itu secara tidak baik kerana sesuatu yang timbul akibat daripada ketidakupayaan mereka tanpa alasan yang munasabah.⁵² Dapat diperhatikan juga bahawa perlindungan di bawah *The Equality Act 2010* secara langsung meningkatkan perlindungan dan hak OKU daripada didiskriminasi. Seksyen 6 *The Equality Act 2010* mentakrifkan seseorang sebagai mengalami kecacatan jika dia mengalami kecacatan fizikal atau mental, dan kecacatan itu mempunyai kesan buruk yang besar dan jangka panjang terhadap keupayaannya untuk menjalankan aktiviti sehariannya. Namun begitu, sekiranya mana-mana OKU berasa diri mereka didiskriminasi, maka mereka boleh membawa kes berkenaan ke mahkamah berdasarkan peruntukan di bawah *The Equality Act 2010*. Perkara ini disebut oleh mahkamah dalam kes *R (on the application Z and another) (Appellants) v. Hackney London Borough Council and another (Respondents)*⁵³ yang telah diputuskan seperti berikut:

*The Equality Act 2010 makes it unlawful to discriminate directly against any person on the basis of certain characteristics, known as protected characteristics. These include “race” and “religion or belief”. However, the Act sets out exemptions where certain actions will not be considered as unlawful direct discrimination. Section 158 provides one such exemption where positive action addresses in a proportionate manner needs or disadvantages connected to a protected characteristic. Section 193 sets out two further exemptions. Section 193(2)(a) permits charities to restrict benefits to those with a protected characteristic if that restriction is a proportionate means of achieving a legitimate aim and section 193(2) (b) permits charities to restrict benefits to those who share a protected characteristic if the restriction seeks to prevent or compensate for a disadvantage linked to the characteristic*⁵⁴.

51 <https://researchbriefings.files.parliament.uk/documents/LLN-2018-0071/LLN-2018-0071.pdf>. Tarikh akses 20 Julai 2022.

52 Seksyen 15 *Equality Act 2010* (United Kingdom).

53 [2020] UKSC 40.

54 Konsep ini adalah lebih kurang sama dengan konsep *rational nexus* yang diputuskan oleh mahkamah dalam kes *Dr Mohd Nasir bin Hashim v. Menteri Dalam Negeri Malaysia* [2006] 6 MLJ 213; Lihat juga kepada kes *Mega Sasa Sdn Bhd v. Kinta Bakti Sdn Bhd & Ors* [2020] 10 MLJ 409.

Akta ini juga melindungi OKU daripada sebarang bentuk diskriminasi sama ada yang berlaku secara langsung atau tidak langsung. Isu ini juga ada dijelaskan oleh mahkamah dalam kes *Akerman-Livingstone v. Aster Communities Ltd (formerly Flourish Homes Ltd)*⁵⁵ yang telah diputuskan, iaitu:

The scheme of the Equality Act 2010 is to define what is meant by discrimination and then to define the circumstances in which such discrimination is unlawful. The Act prohibits both direct and indirect discrimination against disabled persons in the same way that it prohibits discrimination against persons with the other characteristics protected by the Act. But it also contains two types of discrimination which are specific to persons with a disability. It is discrimination to fail to comply with the specific duties to make the reasonable adjustments which are required by the Act in particular contexts: section 21(2). There is also a more general concept of “disability discrimination” defined by section 15:

“(1) A person (A) discriminates against a disabled person (B) if— (a) A treats B unfavourably because of something arising in consequence of B’s disability, and (b) A cannot show that the treatment is a proportionate means of achieving a legitimate aim.

“(2) Subsection (1) does not apply if A shows that A did not know, and could not reasonably have been expected to know, that B had the disability⁵⁶.”

Oleh itu, apabila kita melihat kedudukan di India dan United Kingdom dalam hal berkenaan OKU, dapat dilihat konsep kesamarataan yang diperuntukkan di bawah undang-undang mereka. Keadaan ini merupakan sesuatu yang positif, iaitu hak-hak berkenaan boleh dikuatkuasakan.⁵⁷ Oleh itu, apabila wujudnya sebarang bentuk pelanggaran atau diskriminasi terhadap golongan OKU ini maka satu tindakan mahkamah boleh diambil terhadap pihak yang terlibat. Aspek penguatkuasaan inilah yang “hilang” daripada Akta 2008 sejak penggubalan akta tersebut. Konsep kesamarataan yang merujuk Artikel 8 Perlembagaan Persekutuan seperti yang diterjemahkan oleh mukadimah Akta 2008 gagal memberi sebarang

55 [2015] AC 1399.

56 Perkara ini juga turut ada dijelaskan di dalam kes *Regina (Independent Workers Union of Great Britain) v. Mayor of London*, [2020] 4 WLR 112.

57 Zulazhar, Sridevi, Jal Zabdi & Ahmad Saufi (2020) “UNDANG-UNDANG BERKENAAN ORANG KURANG UPAYA: SATU ANALISIS PERKEMBANGAN PERUNDANGAN DI MALAYSIA” *The Malaysian Journal of Social Administration* 14, 96-114

makna kerana hak-hak yang menyokong konsep kesamarataan tersebut, hanya sekadar “kosmetik” dan tidak mampu untuk dikuatkuasakan.

Dalam hal ini, Suhairi Abdullah, Presiden Persatuan Kurang Upaya Anggota Melayu Malaysia, juga ada menyuarakan isu berkenaan Akta 2008 yang tidak pernah dikuatkuasakan dan hal ini sekali gus menjadikan isu atau permasalahan yang dihadapi oleh golongan OKU tidak dapat diselesaikan dengan tuntas.⁵⁸ Beliau juga menegaskan bahawa Akta 2008, perlu dikuatkuasakan untuk mencapai objektif akta tersebut dan tidak sekadar sebagai perhiasan semata-mata.⁵⁹ Oleh itu, sudah sampai masa dan ketikanya perubahan drastik dilakukan terhadap Akta 2008 ini bagi membolehkan golongan OKU ini serta hak mereka yang termaktub dalam Akta 2008 diberikan penguatkuasaan dari segi undang-undang. Perubahan perlu dilakukan kerana golongan OKU sangat memerlukan sokongan agar mereka dapat menjalani kehidupan yang lebih baik dan selesa.⁶⁰

KESIMPULAN

Tidak dapat dinafikan bahawa Akta 2008 telah memberi nafas baharu kepada golongan OKU bagi membantu mereka dalam kehidupan. Namun begitu, kelemahan dari aspek penguatkuasaan Akta 2008 ini menjadi antara faktor mengapa golongan OKU masih tidak dapat menikmati hak yang diperuntukkan untuk mereka dengan baik. Malah kemudahan asas untuk mereka juga masih belum mencukupi dan serba kekurangan. Perkara ini telah diketengahkan oleh Institut Sosial Malaysia (ISM) yang berpendapat bahawa kekurangan akses kepada kemudahan awam bagi OKU meniadakan hak golongan ini untuk menikmati kemudahan yang sempurna seperti individu normal yang lain.⁶¹ Malah ada banyak lagi kemudahan lain yang juga serba kekurangan untuk golongan OKU ini.⁶² Antaranya termasuklah akses kepada pendidikan. Berdasarkan kajian yang pernah dilakukan menunjukkan bahawa fasiliti OKU yang terdapat di setiap bangunan di Institut Pengajian Tinggi (IPT) masih lagi mempunyai banyak

58 <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/06/571337/perkasakan-akta-oku> – Diakses pada 10/2/2020. Tarikh akses 7 September 2022.

59 Ibid.

60 Nur Dayana Mohd Khalil, et al. “Analisis Isu-isu Berkaitan Hak dan Permasalahan Orang Kurang Upaya di Malaysia: Satu Sorotan Literatur” <https://muwafaqat.kuis.edu.my/index.php/journal>. Tarikh akses 7 September 2022.

61 <https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2019/02/532823/agensi-kerajaan-swasta-kurang-sensitif-keperlu-an-oku>. Tarikh akses 7 September 2022.

62 <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kurang-kemudahan-di-tempat-awam-golongan-oku-minta-perhatian-kerajaan-180496>. Tarikh akses 7 September 2022.

kekurangan dan memerlukan penambahbaikan bagi menyokong pelajar OKU.⁶³ Oleh itu, pemerkasaan Akta 2008 merupakan cara utama untuk memastikan hak-hak golongan OKU ini boleh dikuatkuasakan. Dalam sedar atau tidak, konsep kebajikan OKU ini masih lagi menebal dalam setiap tindakan pihak kerajaan.⁶⁴ Namun begitu, sudah sampai masanya konsep pemerkasaan diguna pakai. Jika konsep ini diguna pakai melalui penguatkuasaan hak yang termaktub dalam Akta 2008, maka golongan ini akan mendapat kemudahan yang mesra OKU dan dapat membantu mereka meneruskan kehidupan seperti masyarakat normal yang lain di negara ini.

PENGHARGAAN

Para penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya, terutamanya *UM Research Cluster Social Advancement and Happiness (SAH)*, kerana memberikan kami geran penyelidikan melalui *Impact-Oriented Interdisciplinary Research Grant (IIRG) (Project No.: (IIRG004C-19SAH))*, dalam menjalankan kajian ini.

RUJUKAN

- [1976] 2 MLJ 117: Diikuti oleh kes *Letitia Bosman v. Public Prosecutor and another appeal* [2020] MLJU 1186.
- [2006] 6 MLJ 213.
- Akerman-Livingstone v. Aster Communities Ltd (formerly Flourish Homes Ltd)* [2015] AC 1399.
- Akta Orang Kurang Upaya 2008.
- Azzanawawy Samat. (2019, 5 Mac). Pemerkasaan Akta OKU 2008. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/16396/khas/pendapat/pemerkasaan-akta-oku-2008>
- Department of Economic and Social Affairs Social Inclusion. (t. th). *Convention on the rights of persons with disabilities (CRPD)*. United Nations.
- Dr Mohd Nasir bin Hashim v. Menteri Dalam Negeri Malaysia* [2006] 6 MLJ 213.
- Economic and Social Commission for Asia and the Pacific. (2012). *Incheon strategy to “make the right real” for persons with disabilities in Asia and the Pacific*. United Nations. <https://www.unescap.org/sites/default/files/incheon%20strategy%20%28english%29.pdf>.

63 Muhamad Nur Hafiz Ahmad et. al. ‘Penyediaan Fasiliti Orang Kurang Upaya (OKU) di Institusi Pengajian Tinggi Di Lembah Klang : Satu Kajian Kes’ *Proceeding 2nd Putrajaya International Conference on Children, Women, Elderly and Disabled People (PICCWED2)*, 20 - 21 May 2017. Hotel Bangi-Putrajaya, Bandar Baru Bangi, Malaysia.

64 <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/golongan-oku-tidak-pernah-dipingirkan-jkm-342823>. Tarikh akses 9 September 2022.

- House of Lords Library. (2018). Disability in the UK: Rights and Policy Debate on 28 June 2018 [Briefing]. <https://researchbriefings.files.parliament.uk/documents/LLN-2018-0071/LLN-2018-0071.pdf>.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2021). *Statistik tahun 2020. Jabatan Kebajikan Masyarakat*. https://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/Bahagian%20Pengurusan/Laporan%20Statistik%20JKM%202020_.pdf
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2023). *Orang kurang upaya. Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat*. <https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/contentmenu&id=WjdtTnluUS9QY0ZpMTRnVXNIZ1ISZz09>.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2023). *Laporan JKM. Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat*. <https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/articles&id=U0dpTUVpRXlyYUIFVFFLUMVnUVJUdz09>
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2023). Profil JKM. Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat. <https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=UGU5dnNUNTFidDdmMmFqR3VJZ2tkdz09>
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2023). Dasar dan tindakan. Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat, <https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=cCtGNGNKVE9obFhBRUI5RERPRjVoUT09>.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2023). *Orang kurang upaya*. <https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=czJqRvDZKzZTNER3WWt4VHpeRnBCdz09>.
- Hidayah Mohammad. (2019, 20 Februari). Agensi kerajaan, swasta kurang sensitif keperluan OKU. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2019/02/532823/agensi-kerajaan-swasta-kurang-sensitif-keperluan-oku>.
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. (2022). Pelancaran pelan tindakan orang kurang upaya 2016-2022 [Siaran media] <https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/KenyataanMedia/Siaran%20Media%20KPWKM%20-%20PTOKU%20FINAL1.pdf>.
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. (2016). Pelan tindakan orang kurang upaya (OKU) 2016–2022. [https://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/JPOKU/PelanTindakan_OKU\(EMAIL\).pdf](https://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/JPOKU/PelanTindakan_OKU(EMAIL).pdf)
- Letitia Bosman v. Public Prosecutor and another appeal [2020] MLJU 1186.
- Mega Sasa Sdn Bhd v. Kinta Bakti Sdn Bhd & Ors [2020] 10 MLJ 409.
- Mohammad Faisal Mohammad Sharif v. Public Prosecutor [2022] 1 LNS 122.
- Muhamad Nur Hafiz Ahmad, Hazlin Falina Rosli, Nur Fikhriah Takril & Safura Ahmad Sabri. (2017, 20-21 Mei). Penyediaan fasiliti orang kurang upaya (OKU) di institusi pengajian tinggi di Lembah Klang: Satu kajian kes. [Persidangan]. Proceeding - 2nd Putrajaya International Conference on Children, Women, Elderly and Disabled People (PICCWED2), Hotel Bangi-Putrajaya, Bandar Baru Bangi, Malaysia.

- Norsaadah Din@Mohamad Nasirudin, Hasliza Talib, Siti Zaleha Ibrahim, & Sri Andayani Mahdi Yusuf. (2019). Hubungan sosial masyarakat terhadap orang kurang upaya di Malaysia. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah (JSASS)*, 6(1), 279.
- Nur Dayana Mohd Khalil, Muhammad Shaberi, Dayang Puteri Nazirah Izhar, Azizah Mat Rashid, & Azizah Mohd Rapini. (2022). Analisis isu-isu berkaitan hak dan permasalahan orang kurang upaya di Malaysia: Satu sorotan literature. *Journal of Muwafaqat*, 5(1), 33-51.
- Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 16 Tahun 2010 (PP10/1988).
- Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat. Parlimen Keempat Belas, Mesyuarat Kedua, Penggal Keempat. (2021, 11 November). DR.11.11.2021, 1. Perbahasan Parlimen, 2007.
- Perlembagaan Persekutuan.
- Public Prosecutor v. Su Liang Yu [1976] MLJ 2 128.
- Public Prosecutor v. Datuk Harun bin Haji Idris & Ors [1976] 2 MLJ 117.
- R (on the application Z and another) (Appellants) v. Hackney London Borough Council and another (Respondents) [2020] UKSC 40.
- Regina (Independent Workers Union of Great Britain) v. Mayor of London, [2020] 4 WLR 112.
- Syalikha Sazili. (2019, 4 Jun). Perkasakan akta OKU. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/06/571337/perkasakan-akta-oku>
- The Equality Act 2010 (United Kingdom).
- The Persons with Disabilities (Equal Opportunity Protection of Rights and Full Participation) Act, 1995 (India).
- The Rights of Persons with Disabilities Act, 2016 (India).
- United Nations. (2006). Convention on the Rights of Persons with Disabilities. <https://www.ohchr.org/en/instruments-mechanisms/instruments/convention-rights-persons-disabilities#:~:text=The%20purpose%20of%20the%20present,respect%20for%20their%20inherent%20dignity.>
- World Health Organization (WHO). (2023). Disability. <https://www.who.int/news-room/fact-sheets/detail/disability-and-health>.
- Zulazhar Tahir, Sridevi Thambapillay, Jal Zabdi Mohd Yusoff & Siti Norsyuhada Roffeei. (2015). Akta orang kurang upaya (Akta 685): Dari konsep kebajikan kepada konsep hak asasi. *The Law Review*, 603. Sweet & Maxwell.
- Zulazhar, Sridevi, Jal Zabdi & Ahmad Saufi. (2020). Undang-undang berkenaan orang kurang upaya: Satu analisis perkembangan perundangan di Malaysia. *The Malaysian Journal of Social Administration*, 14(96), 114.